



Edisi 20 September 2025



**Uitm Pemacu
Transformasi**

**Penghargaan
Buat Alumni**

**Impian Murni
Pereka Fesyen**

MENJUNJUNG ADAT, MEMARTABAT ILMU DALAM ISTIADAT KONVOKESYEN KE-102



oleh : Zaidatul Insyirah Suhaini

Istiadat konvokesyen di UiTM, yang diraikan di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam, bukan sekadar detik meraikan para graduan.


Ia adalah istiadat penuh adat dan tatasusila, sebuah upacara yang menekankan pada warisan Melayu yang dijunjung sejak penubuhannya. Mungkin ramai yang alpa, di sebalik kegembiraan ribuan graduan yang melangkah ke pentas konvokesyen, wujud insan yang bertanggungjawab memastikan, segala perjalanan istiadat berlangsung dengan sempurna.

Pendaftar Universiti Teknologi MARA (UiTM), Tuan Haji Muhamad Nizam Noordin, telah melalui puluhan siri konvokesyen yang menurutnya, masing-masing hadir dengan pelbagai cabaran serta penambahbaikan yang berlainan.

Namun, konvokesyen ke-102 kali ini, jelas lebih bermakna. Beliau berkongsi dengan usaha untuk menekankan inklusiviti kepada istiadat pada kali ini.

Bagi Tuan Hj Nizam, setiap konvokesyen bukan hanya sekadar sebuah upacara penganugerahan sijil, tetapi ia adalah sebuah amanah untuk memastikan kelancaran bagi semua pihak, khususnya ibu bapa dan graduan yang diraikan.

“Dalam setiap kali konvokesyen, yang paling penting adalah tenaga kerja daripada pelbagai jawatankuasa. Untuk kali ini, kita ada lebih kurang 25 jawatankuasa, melibatkan hampir 600 kakitangan yang berkhidmat setiap hari. Semua ini perlu diurus dengan teliti agar perjalanan majlis tidak pincang,” jelas beliau.



Untuk konvokesyen ke-102, UiTM memperkenalkan beberapa inisiatif baru, antaranya laluan alternatif bagi ibu bapa serta graduan kurang upaya. Kakitangan dan pelajar sukarelawan ditempatkan di kawasan tangga bagi membantu pergerakan mereka, selain memastikan lokasi tempat duduk lebih mudah diakses tanpa perlu mendaki sehingga ke aras tertinggi dewan.

“Kita mahu ibu bapa dan graduan istimewa ini merasai kemudahan yang lebih mesra. Jadi kita pindahkan mereka ke tingkat yang lebih rendah supaya memudahkan pergerakan. Alhamdulillah, sambutanannya sangat positif,” kongsiinya.

Selain itu, papan tanda arah *signage* di sekitar kampus turut diperbesar bagi memudahkan tetamu mencari lokasi penting seperti surau dan ruangan yang lain. Perkhidmatan bas dalam kampus juga ditambah baik dengan penggunaan ruang parkir di dalam kawasan UiTM selepas meneliti beberapa perkara, berbeza dengan istiadat sebelum ini.

Bagi memastikan perjalanan istiadat lebih lancar dan teratur, beliau turut berkata, jika sebelum ini sidang konvokesyen menempatkan sehingga 1,200 graduan, kali ini ia dikurangkan kepada sekitar 1,100 ke bawah.

“Langkah ini bagi mengelakkan ‘overlap’ antara

sidang pagi dan petang. Bila keluar masuk serentak, ia menimbulkan kesesakan. Dengan jumlah yang lebih terkawal, alhamdulillah perjalanan lebih cepat dan teratur, malah mendapat ucapan terima kasih daripada ibu bapa dan kakitangan,” ujar beliau lagi.

Baginya, sepanjang sidang ini berlangsung, mampu dilaksanakan dan dikawal dengan lancar kerana kerja berpasukan oleh semua pihak yang terlibat serta tidak mudah panik ketika berhadapan cabaran.

“Dalam kehidupan pun sama, kita tak perlu war-warkan masalah. Kita selesaikan dengan tenang kerana kita sendiri yang faham penyelesaiannya,” kata beliau.

Lebih daripada itu, Tuan Hj Nizam turut menekankan bahawa konvokesyen UiTM adalah membawa konsep istiadat dan bukan sekadar majlis biasa. Perbezaannya cukup besar berbanding universiti lain, di mana ia terletak pada nilai adat, tertib dan simbolisme yang telah dipelihara dan dikekalkan sejak dahulu lagi.

“Konvokesyen kita bukan majlis hiburan yang boleh diselang-selikan dengan tepukan atau lontaran *mortarboard*. Ia penuh dengan tatatusila, sama seperti di istana. Sebab itu kita jaga cara duduk, cara berpakaian, dan cara berinteraksi. Semua itu melambangkan budaya Melayu yang tertib,” jelasnya. Beliau turut menegaskan bahawa pematuhan tatacara pemakaian adalah sebahagian daripada tanggungjawab graduan dan tetamu.

“Graduan mesti akur dengan tatatusila. Janganlah hadir dengan rambut panjang, kerana kami terpaksa gunting. Begitu juga dengan ibu bapa, pakaian sopan adalah kewajipan. Hasrat kami adalah memelihara adat yang menjadi asas kepada pembentukan UiTM sendiri, selari dengan Perlembagaan



Pendaftar Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Tuan Haji Muhammad Nizam Noordin

153, perkara tentang apa yang ditakrifkan sebagai Melayu. Kalau kita kenal Melayu itu, Melayu itu daripada segi makannya, tutur katanya, pakaiannya, budayanya, semua melambangkan sebagai Melayu. Sama lah juga dengan Sabah, Sarawak, kita lihat ada juga Sabah, Sarawak yang datang dengan pakaian, pakaian mereka, tidak ada masalah, untuk perkara tersebut. Jadi itulah hasrat kita sepanjang konvokesyen ini, supaya kita realisasikan dan kita pegang teguh yang mana orang kata, buang anak tak sayang, tapi adat kita tak boleh tinggalkan,” tegas beliau.

Bukan itu sahaja, antara perkara yang sering beliau tekankan ialah makna di sebalik pemakaian jubah konvokesyen.

Menurutnya, pemakaian tersebut adalah lambang ilmu serta kedudukan seseorang.

“Dalam sejarah, hanya tiga

jawatan yang memakai jubah ketika melaksanakan tugas. Iaitu khutbah Jumaat, hakim atau peguam di mahkamah, dan Speaker Dewan.

Itu menunjukkan jubah melambangkan tahap keilmuan dan kewibawaan. Begitu juga graduan, apabila memakai jubah, ia tanda mereka diiktiraf sebagai seorang yang berilmu dan beradat,” katanya.

Haji Nizam turut menitipkan pesan bahawa ilmu dan adab adalah asas untuk mengawal tekanan hidup. Baginya, sebagai graduan UiTM, mereka seharusnya mampu berdiri sebagai insan yang berilmu, beradab dan berjiwa besar.

“Allah memerintahkan kita dengan kalimah ‘Iqra’, bacalah. Juga Imam Al-Ghazali mengatakan, membaca adalah makanan akal. Bila akal mendapat makanan, barulah jiwa tenang. Jadi seorang graduan mesti terus membaca, mengawal diri, dan mengurus stres.” pesan beliau lagi.



SIDANG REDAKSI JAWATANKUASA WARTA KONVO 102

Penasihat
Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais,
Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

Penasihat Editorial
En Abuzar Abdul Halim,
Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

Ketua Editor
En Ahmad Faisal Mohamed Fiah,
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media

Ketua Wartawan
Zaidatul Insyirah binti Suhaini

Wartawan
Aidil Adha bin Abdullah
Amni Harith bin Badrul Hisyam

Pereka Grafik
Muhammad Sahil bin Sulaiman
Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

Fotografi
Pejabat Komunikasi Strategik

Unit Perhubungan Awam dan Media
Pejabat Komunikasi Strategik

*Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh
Pejabat Komunikasi Strategik UiTM
Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian
Media UiTM*